

Media Title : New Sabah Times (Bahasa Malaysia)
 Headline : Pemasangan panel solar SRJKC Chung Hwa mampu jana pendapatan: Rahman
 Date : 6 February 2017
 Page : 11
 Size : 18.2x26.7



Pemasangan Panel Solar di SRJKC Chung Hwa mampu jana pendapatan: Rahman

KOTA BELUD: Pemasangan Panel Solar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Chung Hwa bagi mendapatkan tenaga boleh diperbaharui (RE) mampu menjimat dan menjana pendapatan.

Menyertai perasmian sistem panel solar di SRJKC Chung Hwa pada hari ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Rahman Dahlan berkata, pemasangan panel solar tersebut bukan sahaja dapat menjimatkan penggunaan tenaga dan wang ringgit tetapi juga dapat menjana pendapatan dan seterusnya menjaga alam sekitar.

"Ini adalah inisiatif Pejabat Ahli Parliment Kota Belud dengan kerjasama pihak Cypark Resources Berhad (Cypark) melalui Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) untuk membantu pihak sekolah menjimatkan penggunaan elektrik dengan menggunakan tenaga boleh diperbaharui.

Selain dapat mendidik pelajar-pelajar sekolah tentang RE, pihak sekolah juga dapat membantu menjana pendapatan mereka sehingga RM1,300 sebulan atau kira-kira RM 15,000 setahun dalam masa 25 tahun akan datang.



RASMI... Rahman (tengah) dan isteri, Datin Seri Norazalina Awang Had (depan: lima dari kanan), Musbah (depan: empat dari kiri), Sally (depan: empat dari kanan), Wong (depan: tiga dari kanan) dan Daud (depan: dua dari kanan) memotong rebah sebagai tanda merasmikan sistem panel solar di sekolah berkenaan.

"Projek ini juga dapat membantu dalam menjaga alam sekitar dengan mengurangkan penggunaan karbon dioksida (CO₂).

"Pada hari ini sahaja, 0.05 tan CO₂ dapat dikurangkan dan ini menunjukkan seolah-olah pihak sekolah menanam sebatang pokok pada setiap minggu," katanya kepada media selepas merasmikan Majlis Pesta Angpau 2017 di sini, pada Sabtu.

Rahman yang juga Ahli

Parlimen Kota Belud turut memaklumkan projek berkenaan merupakan sebuah projek 'Menang, Menang, Menang' kerana dapat memberi manfaat kepada Cypark, pihak sekolah dan alam sekitar.

Sementara itu, Guru Besar SRJKC Chung Hwa, Sally Tham Hung Chin berkata, pihaknya menyambut baik usaha berkenaan berterima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat.

Sally juga berkata hasil

pendapatan daripada RE nanti akan digunakan untuk kebajikan murid dan staf di sekolah berkenaan.

Hadir sama di majlis berkenaan adalah Pembantu Menteri Kepada Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Musbah Haji Jamli, Pengurus Pengangur Majlis Pesta Angpau 2017, Kapitan Wong Khong Ping dan Ketua Pegawai Eksekutif Cypark, Dato' Daud Ahmad.



PANEL berukuran 70 meter turut berfungsi sebagai garaj tempat letak kenderaan kepada tiga buah kenderaan.